



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - BNM, SPRM, LHDN Berpadu Banteras Jenayah Kewangan

Utusan Malaysia - BNM, SPRM, LHDN Berpadu Banteras Jenayah Kewangan

🕒 Selasa, Mac 14 2017



BNM, SPRM, LHDN berpadu banteras jenayah kewangan

KUALA LUMPUR 13 Mac- Hasil kejayaan Pasukan Penguat Kuasa Pemulihan Hasil Negara (NRRET) mendedahkan kegiatan dua Tan Sri mengelak membayar cukai mencecah puluhan juta ringgit, kerajaan hari ini memutuskan untuk meningkatkan usaha membanteras jenayah itu menerusi pembentukan kerjasama strategik antara Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Kesepakatan itu dicapai dalam satu pertemuan tertutup antara Gabenor BNM Datuk Muhammad Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif SPRM



MUHAMMAD IBRAHIM (tengah), Dzulkifli Ahmad (kiri) dan Sabin Samitah bersalaman sejeurus selesai mesyuarat berhubung pembentukan kerjasama strategik antara BNM, SPRM dan LHDN di Kuala Lumpur, semalam.

Idriss; Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Sabin Samitah yang turut akan memfokuskan usaha memerangi jenayah kewangan dan rasuah.

Kerjasama ketiga-tiga agensi tersebut bertujuan memperkukuh sistem kewangan di samping meningkatkan hasil pendapatan negara dan membina negara yang bebas daripada anasir rasuah dan salah guna kuasa.

Menurut Muhammad, kerjasama itu akan membantu mengekang penyaluran hasil perolehan wang haram dan transaksi haram melalui sistem kewangan.

“Perkara ini penting bagi mengekalkan integriti dan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan bersama hari ini.

Strategik antara BNM, SPRM dan LHDN di Kuala Lumpur, Semalam.

Sementara itu, Dzulkifli berkata, inisiatif itu turut membolehkan pertukaran maklumat berhubung siasatan selain memperkukuh amalan terbaik setiap agensi berkenaan.

“Ini memandangkan masing-masing mempunyai cabaran tersendiri dalam menangani jenayah kewangan, rasuah dan pengelakan cukai,” ujarnya.

Dalam pada itu, Sabin memberitahu, kerjasama strategik tersebut merupakan langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan ketirisan cukai akibat jenayah kewangan.

Pada Ahad lalu, laporan khas *Mingguan Malaysia* melaporkan kejayaan NRRET membongkar kegiatan dua ahli perniagaan bergelar Tan Sri di dua buah nege-

ri yang dikesan terlibat dengan aktiviti mengelak cukai mencecah puluhan juta ringgit.

Dalam dua serbuan itu, seorang Tan Sri di selatan tanah air turut dikesan terlibat dengan aktiviti sindiket judi nombor ekor haram, menjalankan operasi kelab malam lebih masa termasuk memberi rasuah kepada anggota penguat kuasa lebih RM1 juta sebulan.

Sementara itu, seorang lagi Tan Sri di utara tanah air yang gagal mengisytiharkan keuntungan pendapatan sebenar syarikat hartanah miliknya turut dikesan memanipulasi proses jual beli tanah rizab Melayu.

Berikutan itu, aset kedua-dua individu kenamaan itu mencecah ratusan juta ringgit telah dibekukan.

LITUSAN

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**